



# AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

## Bilangan 3 Tahun 2015

### TINDAKAN SUSULAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN POLISI PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR UiTM

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai tindakan susulan terhadap ketidakpatuhan polisi penilaian akademik pelajar UiTM.

#### LATAR BELAKANG

2. Senat Universiti dalam mesyuarat ke-197 pada 14 Januari 2015 telah meluluskan tindakan susulan terhadap pelajar yang tidak menjawab soalan peperiksaan dalam Bahasa Inggeris seperti yang digariskan didalam polisi penilaian akademik pelajar UiTM iaitu item 3.3.1.2 dan 3.4.3.
  - 3.3.1.2. Item penilaian berterusan mesti dijawab menggunakan Bahasa Inggeris kecuali kursus Bahasa Ketiga, ACIS dan Ko-kurikulum.
  - 3.4.3 Item penilaian peperiksaan akhir mesti dijawab menggunakan Bahasa Inggeris kecuali kursus Bahasa Ketiga, ACIS dan Ko-kurikulum.

## PELAKSANAAN

4. Tindakan yang telah diluluskan ialah : **Soalan yang tidak dijawab dalam Bahasa Inggeris tidak diambilkira dan markah untuk soalan tersebut diberi nilai kosong (sifar).**
5. Sehubungan dengan itu, arahan menjawab dalam Bahasa Inggeris mesti disertakan di muka hadapan kertas soalan peperiksaan dan semua item penilaian berterusan.
6. Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pelajar, pensyarah dan pihak yang berkepentingan di Fakulti / UiTM Negeri / UiTM Cawangan / PTJ masing-masing.

## TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 16 Februari 2015.

## TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 16 Februari 2015.



**PROF. DR AZNI ZAIN AHMED**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-HEA(6/4)*